

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 NOVEMBER 2016

PM tiba lawatan di Jepun

UM-16/11/2016

TOKYO 15 Nov. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor tiba di sini hari ini bagi memulakan lawatan kerja tiga hari ke Jepun.

Lawatan rasmi ini amat bermakna kerana secara langsung memperjelaskan pendirian negara yang sentiasa mempertahankan hubungan baik dalam pelbagai bidang khususnya dengan negara-negara di rantau ini.

Minggu lepas, Najib mengadakan lawatan ke China, juga atas kepentingan serupa.

Semasa di Tokyo, Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, Shinzo Abe esok yang dijangka dapat mempertingkatkan hubungan dua hala dan rakan kongsi strategik termasuk dalam bidang pelaburan, keselamatan dan infrastruktur.

Najib juga akan bertemu dengan Menteri Tanah, In-



Othman
Mohamad

Melaporkan dari TOKYO, JEPUN

frastruktur, Pengangkutan dan Pelaburan Jepun, Keiichi Ishii esok.

Sementara itu, ketibaan beliau di Hotel Imperial di sini disambut oleh para pegawai kanan kerajaan dan Kedutaan Malaysia di Jepun.

Pada tahun lepas, Jepun menjadi rakan dagang keempat terbesar Malaysia dengan nilai dagangan RM126.27 bilion, dengan jumlah eksport dan import masing-masing RM72.68 bilion dan RM53.58 bilion.

Jepun juga adalah destinasi eksport keempat terbesar negara dan sumber import keempat terbesar negara. - UTUSAN